

Dato' Onn Kembali ke Rahmatullah

Jasa-jasanya Kepada Masyarakat

Dato' Onn bin Jaafar Yang di-Pertua Parti Negara dan ahli Parlimen Persekutuan Tanah Melayu, telah kembali ke rahmat Allah Ta'ālā pada pukul 7.45 hari Jumaat malam Sabtu 19 haribulan Januari 1962 di rumahnya di Jalan Larkin Johor Bahru setelah mengidap penyakit lemah jantung beberapa bulan lamanya. Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, apabila mendengar sahaja Dato' Onn meninggal terus memerintahkan supaya diadakan istiadat negara mengebumikannya. Dengan demikian, pada esoknya, suatu istiadat mengebumikan beliau telah diadakan dengan secara adat istiadat negara dan jenazah Dato' Onn pun dikebumikan di Makam Mahmoodiah untuk beristirahat selama-lamanya setelah usia beliau masuk kepada 67 tahun.

(Oleh Edrus)

Dato' Onn tidak payah lagi dikenalkan kepada umat

Persekutuan Tanah Melayu.))

Melayu sebagai sifatnya seorang pemimpin. Jasanya kepada

Setelah menyebut beliau sebagai pemimpin yang sangat

tanah air banyak – usahanya di dalam menuju kemerdekaan

berani, jujur dan tabah serta beliaulah yang memperjuangkan

bukan sedikit. Jasanya kepada bangsa Melayu pula tidak

nasib raja-raja Melayu daripada tipu helah MacMichael yang

terkira sekalipun di dalam perjuangan masa akhir hayat

hendak menjadikan Tanah Melayu dari duduk di bawah naungan

beliau tidak sebegitu gemilang seperti dalam masa perjuangan

menjadi tanah jajahan British, Tengku berkata:

beliau menghadapi Malayan Union dahulu.

((Kalau rakyat Indonesia merasa bangga dengan

Lawan dan kawan semuanya menghormati perjuangan

Sukarnonya, maka kita di sini juga merasa bangga

beliau. Tengku Abdul Rahman yang sentiasa menjadi lawan

dengan Dato' Onn. Sebagai pemimpin politik beliau

siyash beliau semenjak masa-masa Merdeka ini dan sebelum

adalah seorang pejuang dan seorang pahlawan yang tak ada

beberapa masa sebelum Merdeka dengan terus terang tatkala

tolok bandingnya. Sebagai seorang wartawan beliau adalah

menyebut-nyebut nama beliau di dalam istiadat memperingatinya di Dewan

seorang pengarang yang progresif.))

Parlimen Persekutuan Tanah Melayu di Kuala Lumpur pada

sambutan yang jujur daripada Tengku Abdul Rahman kepada

22 Januari 1962 di antara lain berkata:

lawan politiknya ini adalah membuktikan bahawa tiap-tiap

((Al-marḥūm adalah seorang pejuang, seorang

orang Melayu mengakui jasa Dato' Onn bin Jaafar

pahlawan yang tidak ada tolok bandingnya. Kehilangannya sangatlah

itu.

menyedihkan hati kerana al-marḥūm telah meninggalkan

Beliau semasa kecilnya adalah sebagai anak angkat

jasa-jasanya yang sangat besar kepada orang-orang Melayu dan

al-marḥūm Sultan Ibrahim Johor. Beliau semasa kecil

dihantarkan belajar ke England bersama-sama dengan putera-putera al-marhūm Sultan Ibrahim Johor: Sultan Ismail yang ada sekarang, Tengku Temenggung Ahmad dan Tengku Abu Bakar. Kerana al-marhūm dihantar lagi kecil maka apabila al-marhūm balik ke Tanah Melayu lidah beliau berbahasa Inggeris dikatakan lebih fasih daripada orang Inggeris sendiri. Kerana ini pada permulaannya balik ke Johor ia tidak berapa tahu berbahasa Melayu.

Tetapi setelah ia memegang beberapa jawatan di Johor maka kemahiran berbahasa Melayu ini telah didapatinya semula. Ini terbukti apabila ia meninggalkan Johor mencari usaha di Singapura maka ia dapat bekerjasama mendirikan surat khabar Warta Malaya pada 1 Januari 1930. Di sinilah pertama-tama ia menjalankan pekerjaan sebagai wartawan.

Al-marhūm ini, hanya menulis rencana pengarang sahaja dengan tulisan sendiri. Ia menulis berita-berita atau menterjemah berita-berita adalah dengan mendikte kepada seorang lain menulisnya. Penulisnya yang lama beserta dengan beliau semenjak dari Warta Malaya kepada Lembaga Malaya ialah U. Saleh bin Haji Faraj.

Di antara orang-orang yang rapat bekerja dengan beliau sama ada menterjemah atau menolong menulis apa-apa yang didiktekan olehnya ialah U. Mohamad Ismail bin Abdul Kadir, U. Abdullah bin Haji Faraj dan al-marhūm Mohamad Hashim bin Yunus.

Beberapa tahun kemudian al-marhūm ini meletakkan jawatannya daripada Warta Malaya dan kemudian lalu membuka surat khabar harian Lembaga Malaya. Mulanya berpejabat di Singapura kemudian berpindah ke Johor Bahru. Dalam masa itulah ia lalu diangkat menjadi Ahli Mesyuarat Negeri dan kemudian terus pula memegang jawatan sehingga perang.

Ia menjadi Pegawai Perbekalan Makanan dan dalam masa akhir-akhir pemerintahan Jepun, ia menjadi Pegawai Daerah di Batu Pahat.

Apabila Jepun menyerah maka timbullah salah faham di antara orang Melayu dan orang-orang Cina yang hampir-hampir menumpahkan darah. Dengan jasanya bersama-sama Allahyarham Panglima Saleh, perkelahian yang berbahaya itu dapat ditahan dan diamankan. Jasa ini tentunya dikenang oleh kedua-dua pihak, Melayu dan Cina dalam perkembangan sejarah Tanah Melayu.

Sesudah inilah, beliau berusaha mendirikan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Johor. Dalam masa itulah juga terbit peristiwa MacMichael mengambil tandatangan Raja-raja Melayu untuk memalayakan orang-orang Melayu (lihat buku Malayan Union yang diterbitkan pada tahun 1946).

Dengan hidupnya semangat orang-orang Melayu di sana sini membantah Malayan Union maka timbullah perpaduan orang-orang Melayu menentang Malayan Union. Raja dan rakyat bersatu di dalam hal menegakkan hak Melayu masa itu. Di dalam masa inilah lalu dihidup Pergerakan Kebangsaan Melayu Bersatu (PERKEMBAR) yang kemudiannya sekarang lebih terkenal dengan nama UMNO.

Kerajaan Inggeris tidak senang di atas persatuan umat Melayu. Orang-orang Melayu yang bersatu ini mesti dipecahkan kerana ini kerajaan British menghantarkan seorang pakar siasatnya yang pernah memegang jawatan menteri iaitu Tuan Malcolm MacDonald. Dengan kebijaksanaan Tuan Malcolm MacDonald perjuangan kemelayuan yang dibawa oleh Dato' Onn lalu diubah kepada satu cara perpaduan yang terkenal dengan Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum dan di sinilah timbulnya kurang kepercayaan orang-orang Melayu kepada al-marhūm.

Dengan kesan itulah pula al-marhūm pada tahun 1953 di dalam mesyuarat UMNO di Kuala Lumpur terpaksa meletakkan jawatan meninggalkan UMNO yang ditaja olehnya

disebabkan UMNO tidak mau mengikut rancangan Dato'

Onn. Beliau sendiri mengundurkan diri dari UMNO

– bukannya UMNO meminta beliau meletakkan jawatannya.

Keluar daripada UMNO, orang-orang yang sefaham dengan beliau

lalu mendirikan Parti Kemerdekaan Malaya – (M).

Dasar yang dilanjutkannya daripada cita-citanya ialah membenarkan

anak-anak dagang yang berada di sini yang telah turun-temurun boleh

menjadi ahli pertubuhan itu. Tetapi perjuangan ini

tidak berjaya. Akhirnya parti ini dibubarkan lalu

diubah dengan Parti Negara yang ada sekarang.

Di dalam perjuangannya di dalam Parti Negara al-marhūm

yang telah menukar dasar-dasar perjuangannya telah berbalik kepada

perjuangan asal membela hak-hak mutlak orang-orang Melayu.

Tetapi berhubung dengan peralihan-peralihan keadaan perjuangan yang

luruh pada asalnya ini tidak dapat dipandang jauh oleh

orang-orang Melayu.

Ini terbukti bahawa di tanah beliau sendiri, di Johor,

Parti Negara tidak disambut dengan sewajarnya sehingga

dua kali beliau di dalam pilihanraya dapat dikalahkan.

Akhirnya beliau bertanding di Terengganu lalu terpilih.

Sifat-sifat Al-marhūm

Al-marhūm adalah sangat bijak di dalam berbahas dan

mematahkan fikiran atau pendapat orang. Ini dibuatnya

sama ada dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu. Kerana

sifat-sifat yang tegas ini ada maka tidaklah mudah bagi beliau

menerima fikiran seseorang dengan serta-merta. Sesuatu

fikiran yang timbul mesti dibahas beliau sehingga

lumpuh. Tetapi beberapa bulan di belakang, terkadang-kadang

di dalam masa yang lama, baharu ia menerima dan meletakkan

fikiran orang itu sebagai fikirannya sendiri. Sifat

inilah yang menjadikan dari satu ke satu pengikut-pengikutnya

menarik diri dan kemudiannya menjadi lawan kepadanya.

Di antara beberapa banyak jasanya yang besar yang disanjung

oleh pegawai-pegawai kerajaan daripada orang-orang Islam di Johor yang

berjalan hingga hari ini ialah dengan syornya peruntukan

belanja bagi pegawai-pegawai yang bersara untuk tambang ke haji

diadakan. Dengan ini tiap-tiap tahun pegawai-pegawai Melayu yang

bersara di dalam negeri Johor mendapat belanja untuk

menunaikan haji dengan cuti panjang selama tiga bulan

sambil bersara.

Akhirnya tentulah banyak halnya bagi pemimpin besar

Melayu ini yang perlu dicitrakan tetapi kerana sempit

ruangannya memadai di sini sahaja. Hanya saya berharap

tiap-tiap yang membaca makalah ini membaca al-Fātihah untuknya

sambil berdoa kepada Allah semoga Allah mencururkan

rahmat-Nya kepada al-marhūm dan diberi kesabaran kepada

keluarganya amin.

Kami sediakan 25 macam kad

Selamat Hari Raya

Untuk mendapatkan kad Selamat Hari Raya yang

cantik-cantik bagi tahun ini, saudara saudari

tak usah bersusah payah pergi ke pekan atau

ke bandar lagi. Ada 25 macam kad yang cantik-cantik kami

buatkan saudara saudari bagi tahun ini.

Silalah kirimkan setem 10 sen sahaja kepada

kami di alamat kami di bawah ini, kami akan

mengirimkan kepada saudara saudari contoh kad

yang kami sediakan itu.

Inilah alamat kami:

EDRUS AL-EDRUS

356/358, Geylang Road,

Singapore 14.